# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 5 | RABU 4HB. FEBRUARI, 1976. | رابو 3 صفر 1396 | PERCHUMA


## DUA ORANG PEGAWAI AMDB DI-NAIKKAN PANGKAT LT. COLONEL



Lt Col Pehin Datu Indera Setia Sulaiman (kiri) dan Lt Col Pehin Datu Indera Negara Mohd Ariffin.

**BANDAR SERI BEGAWAN.—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah memperkenankan kenaikkan pangkat Lt. Colonel dua orang Pegawai Askar Melayu Diraja Brunei.**

Pemerentah Askar Melayu Diraja Brunei, Col. Norman Roberts menyatakan kenaikkan pangkat bagi Major Pehin Datu Indera Setia Sulaiman bin Haji Awang Damit bermula pada 26hb Januari, 1976 sementara kenaikkan pangkat bagi Major Pehin Datu Indera Negara Mohammad Ariffin bin Haji Abdul Wahab bermula pada 27hb Januari 1976.

Lt. Col. Pehin Datu Indera Setia Sulaiman mula berkhidmat dengan pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sa-bagai Pegawai Kadet dalam tahun 1961. Beliau telah di-hantar untok menjalani latehan di-Maktab Tentera Persekutuan di-Sungai Besi dan di-tauliahkan sa-bagai Leftenan Muda dalam bulan Disember 1962.

Beliau telah memegang beberapa jawatan dalam pasokan itu sa-belum menjawat jawatan-nya sekarang sa-bagai Jurukira Pasokan. Antara jawatan2 yang di-sandang oleh beliau ia-lah Platoon Commander, Pegawai Perisek, Adjutant, Pemerentah Kompeni B dan Pemerentah Kompeni Rekrut, Kompeni Latehan dan di-Ibu Pejabat.

Dalam tempoh 15 tahun berkhidmat dengan pasokan itu, Lt. Col. Pehin Sulaiman telah menghadhiri beberapa kursus ketenteraan di-seberang laut.

Dalam tahun 1963 beliau telah menghadhiri kursus Platoon Weapon dan Young Officer Tactic dan dalam tahun 1964 pula beliau menghadhiri dua kursus ia-itu Regimental Fund Account dan kursus perang hutan di-

**Lihat muka 8**

## Hari Pelajar di-adakan dlm bulan Jun

BANDAR SERI BEGAWAN.—Hari Pelajar bagi sekolah2 di-seluroh negeri pada tahun ini akan di-adakan dalam bulan Jun.

Ini telah di-putuskan dalam satu meshuarat yang di-adakan di-Bilek Persidangan Jabatan Pelajaran di-sini baru2 ini. Meshuarat yang di-pengerusikan oleh Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Ahmad bin Haji Jumat itu telah di-hadhiri oleh 14 orang pegawai pelajaran.

Meshuarat itu telah melantek dengan sa-bulat suara, Pengarah Pelajaran, YDM Pehin Datu Laila Didekan Dato Seri Laila Jasa Awang A. D. Bumford sa-bagai Pengerusi Jawatankuasa Hari Pelajar pada tahun ini sementara Awang Zaini bin Abdul Hamid sa-bagai Setia Usaha-nya.

Hari Pelajar ada-lah projek tahunan Jabatan Pelajaran.

## Empat penuntut di-pileh sa-bagai terbaik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Mohd Shazale bin Mat Salleh telah mendapat markah yang tinggi dalam pepereksaan masok ka-Sekolah Inggeris Kerajaan yang di-adakan dalam tahun lepas.

Awang Mohd Shazale, dari Sekolah Melayu Pusar Ulak di-sini mendapat 275 markah dalam lima matapelajaran yang di-pereksa.

Awang Nazmi bin Mohammad dari Sekolah Melayu HMS, Sungai Hanching mendapat tempat kedua dengan 268 markah dan ketiga — Dayang Fatimah binte Bungsu dari Sekolah Melayu Pintu Malim dengan mendapat 267 markah.

Sa-ramai 4,533 orang murid di-seluroh negeri telah mengambil pepereksaan tersebut.

Sementara itu dari 2,270 orang chalun yang mengambil pepereksaan Sijil Pelajaran Rendah (Primary Certificate of Education), saramai 1,498 orang chalun telah lulus.

Dayang Deborah Chin dari Sekolah St. Andrews telah mendapat tempat pertama dalam pepereksaan itu dengan 363 markah.

Awang Abd Aziz bin Md Yusof dan Dayang Rusni binte Hamid, kedua2-nya dari Sekolah Persediaan Inggeris Bandar Seri Begawan masing2 mendapat tempat kedua dan ketiga. Awang Abd Aziz mendapat 363 markah sementara Dayang Rusni mendapat 355 markah.

## Pulang sa-telah dpt diploma

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Yunos bin Mohammad Noh, sa-orang pegawai dari Jabatan Ukor telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu sa-telah menamatkan pengajian-nya di-New Zealand.

Awang Yunos yang melanjutkan pelajaran atas biasiswa Kerajaan DYMM, telah mendapat sijil juruteknik ukor dari Technical Correspondence Institute di-Wellington dalam tahun 1973 dan diploma Ukor Tanah dari Institute Technical pada tahun lalu.

## Peluang hadhiri kelas dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pendaftaran untok memasoki Kelas Dewasa bagi pelajaran rendah dan satu matapelajaran trengkas dan simpan kira di-Sekolah Menengah SMJA akan di-tutop pada 28hb ini, manakala bagi Sijil Pelajaran Singapura dan Sijil Tinggi Persekolahan akan di-tutop pada 31hb Mach.

Chalun2 persendirian yang ingin mengikuti kelas2 tersebut boleh-lah mendaftarkan nama kapada Penyelia Kelas Dewasa, Sekolah Menengah Melayu SMJA, Bandar Seri Begawan semasa Pejabat di-buka di-jam 2.00 hingga 4.30 petang.



JABATAN Perubatan dan Kesihatan telah melancharkan kempen untok menghapuskan nyamok Aedes di-Kampong Ayer.

Sa-masa kempen itu di-jalankan pegawai2 dari jabatan itu telah melawat ka-beberapa buah rumah di-sekitar Kampong Ayer untok memereksa tempat2 menyimpan ayer bagi mengesan jentek2 dan membuboh sa-jenis ubat untok membunoh jentek2 itu (gambar kanan).

Di-samping itu, beberapa orang pegawai dari jabatan itu juga telah memberikan penerangan2 mengenai dengan chara2 untok menchegah pembiakan nyamok yang membawa penyakit demam dinggi itu (gambar atas).

Dalam bulan lepas sa-banyak 12 buah kampong di-Kampong Ayer telah di-lawati untok mengesan nyamok tersebut.



## Tarikh tutop di-lanjut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bomba telah melanjutkan tarikh penutop untok menyertai Perlawanan Bomba Tampar kapada 15hb ini.

Menurut juruchakap penganjor perlawanan menyatakan langkah ini di-buat bagi membolehkan lebeh ramai persatuan2 belia, kelab2 sokan di-negeri ini menyertai perlawanan tersebut.

Perlawanan2 yang julong2 kali-nya di-anjorkan oleh persatuan itu ia-lah bagi mera'ikan hari keputeraan Putera sulong Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

Borang2 penyertaan boleh di-dapati dari Balai2 Bomba di-seluroh negeri.

## Lesen anjing

LESEN2 untok tahun 1976 bagi anjing di-Daerah Brunei-Muara sekarang boleh di-dapati dari Pejabat Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan semasa waktu2 pejabat di-buka sa-hingga 30 haribulan April.

Bayaran bagi lesen2 itu ia-lah $3.00 untok anjing jantan dan $5.00 bagi anjing betina.

# PSANB akan menganjorkan perlumbaan rentas desa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Sokan Ametor Negeri Brunei akan menganjorkan Perlumbaan Rentas Desa bulan depan. Perlumbaan yang julong2 kali-nya di-anjorkan oleh persatuan itu akan di-adakan di-sini pada hari Ahad 28hb Mach, 1976.

Perlumbaan ini akan dibahagikan kapada dua bahagian ia-itu kejohanan perseorangan bagi peserta2 veteran, wanita dan kanak2 dan kejohanan berpasokan bagi kumpolan senior, junior lelaki dan perempuan yang mengandongi lapan orang peserta tiap2 satu pasokan.

Sekatan umor bagi peserta veteran (lelaki) — mesti-lah berumor 40 tahun ka-atas; senior (lelaki)—berumor 18 tahun ka-atas; junior (lelaki dan perempuan) — berumor 20 tahun ka-bawah; wanita — berumor 17 tahun ka-atas dan kanak2 (lelaki dan perempuan) — berumor antara 14 dan 16 tahun.

Peserta2 senior dan junior laki2 akan berlari sa-jauh tujoh batu sementara bagi peserta2 veteran, wanita, perempuan junior dan kanak2 lelaki dan perempuan akan berlari sa-jauh empat hingga lima batu.

Borang dan sharat2 untok memasoki perlumbaan ini boleh di-perolehi dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Pusat Belia, Jabatan Perlajaran, Bahagian Latehan Jasmani, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

Lihat muka 3

# Ketetapan harga2 barang sa-hari2

BERIKUT ini ada-lah sa-bahagian dari senarai harga2 barang sa-hari2 yang di-keluarkan oleh Pengawal Harga Brunei untok panduan orang ramai. Senarai lain2 harga barang akan di-siarkan tiap2 kali keluaran.

| | | |
|---|---|---|
| **WASHING MOP** | | |
| No. 10 | | $ 1.25 |
| No. 16 | | 2.80 |
| **PIE** | | |
| Steak & Kidney Pie | 15¼-oz | 2.70 |
| Steak Pie & Veg | 15½-oz | 2.50 |
| Devon Pie | 15½-oz | 3.40 |
| **SQUEZY** | | |
| New Lemon 395-c.c. | | 2.70 |
| ,, ,, 1-gallon | | 19.40 |
| **CHEWING GUM** | | |
| Wrigley's Spearmint | 20's | 0.15 |
| Wrigley's Doublemint | 20's | 0.15 |
| Wrigley's Juicy Fruit | 20's | 0.15 |
| **CIGARETTES** | | |
| Million Milter | 20's | 0.65 |
| Peter Stuyvesant Gold H/L | 20's | 1.00 |
| ,, ,, ,, | 12's | 0.60 |
| ,, ,, ,, | 10's | 0.50 |
| Lucky Strike | 20's | 0.85 |
| Garrick Va | 50-at | 2.95 |
| State Express 555 | 50-at | 2.50 |
| Player's No. 3 | 50-at | 2.50 |
| Capstan Filter | 20's | 0.65 |
| Rough Rider | 10's | 0.30 |
| Fortune | 20's | 0.55 |
| Camel Regular | 20's | 0.85 |
| Camel Filter — CPB | 10's | 0.40 |
| ,, ,, ,, | 20's | 0.80 |
| Winston — CPB | 10's | 0.40 |
| ,, ,, | 20's | 0.80 |
| Winston Soft Pack | 20's | 0.90 |
| Salem Soft Pack | 20's | 0.90 |
| Winston Super | 20's | 1.00 |
| Torchlight Filter | 10's | 0.30 |
| Torchlight Plain | 10's | 0.30 |
| "KENT" — One Carton (200 sticks) | | 10.00 |
| **DISPRIN** | | |
| Disprin | 18's | 1.40 |
| ,, | 100's | 7.45 |
| **CAMPBELL'S SOUP** | | |
| Tomato Soup | | 0.90 |
| Cream of Chicken | | 0.95 |
| Chicken Noodle | | 0.95 |
| Minestone Soup | | 1.20 |
| Consomme Soup | | 1.25 |
| Scotch Broth | | 1.15 |
| Cream of Tomato | | 1.25 |
| Oxtail Soup | | 1.20 |
| **LOXENE** | | |
| Loxene | 4-oz | 2.55 |
| ,, | 6-oz | 3.60 |
| ,, | 16-oz | 7.40 |
| **POLISH** | | |
| Mansion | 1-lb | 2.95 |
| ,, | 2-lb | 5.00 |
| ,, | 5-lb | 11.20 |
| Kiwi Shoe Polish | 38.2-gm | 0.65 |
| Kiwi White Cleaner | 4-oz | 0.65 |
| **PRIPSEN** | | |
| 10g. Sachet | | 1.60 |
| **POWDER** | | |
| Steradent No. 3 | | 1.30 |
| ,, No. 6 | | 2.00 |
| **TABLETS** | | |
| No. 50 | | 1.95 |
| 100 | | 3.15 |
| 200 | | 5.20 |
| G. S. Tablets | 50's | 1.25 |
| Steradent | 20's | 1.35 |
| | 30's | 1.90 |
| **SEMOKOT GRANULES** | | |
| | 100 g. | 4.10 |
| **BROOK LAX** | | |
| No. 2 | | 0.30 |
| 8 | | 0.75 |
| 24 | | 1.80 |
| 288 | | 0.15 |
| 200 (tin) | | 0.25 |
| **DESPRIN** | | |
| | 18's | 1.20 |
| | 28's | 1.50 |
| | 100's | 5.20 |
| **MUSTARD** | | |
| Colman's | 2-oz | 1.60 |
| | 4-oz | 2.15 |
| | 8-oz | 3.50 |
| | 1-lb | 6.35 |
| **HAZE** | | |
| Haze | | 1.90 |
| **CROWN BLUE** | | |
| Crown Blue — A | | 0.15 |
| — B | | 0.10 |
| **CROWN ULTRUM** | | |
| 450-g H 189 | | 2.60 |
| 450-g L 1228 | | 2.60 |
| 30-g L 12228 | | 0.25 |
| **CLEANER** | | |
| Windolene | | 1.20 |
| ,, Spray | | 1.70 |
| **NULON** | | |
| Nulon — A Large | | 3.30 |
| ,, — B Medium | | 2.25 |
| ,, — C Small | | 1.60 |

# Hantar penyertaan sa-belum 22hb Mach

Dari muka 2

Borang2 juga boleh di-dapat dari Awang Tuah Haji Nordin, Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Jasmani, Bandar Seri Begawan; Awang Abd Razak bin Bungsu, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan; Awang Suhaili Lani, Jabatan Pelajaran Kuala Belait; Awang Zainal Gana, Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong; Awang Hamid Momin, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan Bangar dan Awang Haji Darlan Zaini, Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong.

Borang2 penyertaan hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari hari Isnin 22hb Mach, 1976.



KERAJAAN Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah mengeluarkan wang beribu2 ringgit pada sa-tiap tahun untok membantu raayat Baginda yang kurang bernasib baik.

Melalui Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan sahaja lebeh dari $200,000.00 di-berikan sa-bagai bantuan bulanan kapada orang2 tua, janda2 dan lain2 lagi yang tidak mempunyai mata pencharian yang tetap.

Pada tahun lalu sa-ramai 370 orang telah menerima bantuan dari Jabatan tersebut. Bilangan ini melebehi 60 orang dari tahun 1974.

Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan juga telah memberikan bantuan lebeh dari $20,000 kapada 32 orang keluarga orang2 tahanan tahun lalu. Sa-paroh dari penerima2 bantuan itu ia-lah di-Daerah Brunei/Muara.

Di-samping itu, Jabatan itu juga telah memberikan bantuan kapada mangsa2 kebakaran, membaiki rumah dan lain2 lagi.

Pada tahun lalu, lebeh dari $1,000 telah di-berikan kapada tiga keluarga mangsa kebakaran, sebelas rumah telah di-baiki dengan menelan belanja kira2 $3,700.00 dan empat orang telah di-berikan kachamata.

Jumlah bantuan yang di-berikan itu ia-lah kira2 $5,800.00 yang termasok bantuan kapada orang2 pelarian Saigon.

**Gambar atas menunjokkan salah sa-orang dari tiga orang janda di-Daerah Temburong yang menerima bantuan dari Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan baru2 ini.**

# Lima perkara yang berfaedah sa-bagai panduan bagi kesempurnaan hidup

## KHUTBAH JUMAAT

SALAH satu langkah ugama Islam untok menyusun masharakat Islam yang sempurna ia-lah dengan jalan menetapkan supaya semua kaum Muslimin nasehat-menasehati. Di-dalam perkara nasehat dan tunjok ajar ini, maka Rasulullah Salallahu Alaihiwassalam ada-lah orang yang paling jujor dan lurus dalam perkataan dan perbuatan-nya.

Di-antara pesanan2 Rasulullah itu termasok-lah lima perkara yang berfaedah sa-bagai panduan bagi menchapai kesempurnaan hidup di-dunia dan di-akhirat. Sabda Baginda yang bermaksud :

**"Jauhi-lah segala larangan Allah nechaya engkau menjadi manusia yang paling kuat beribadat, redza-lah dengan bahagian yang engkau perolehi neschaya engkau akan menjadi sa-orang manusia yang paling kaya, berbuat-lah kebajikan kapada jiran mu neschaya engkau menjadi sa-orang mu'min. Sukai-lah untok orang lain apa yang kau sukai untok diri mu neschaya engkau menjadi sa-orang muslim dan jangan-lah ketawa berlebehan kerana ketawa banyak itu mematikan hati".**

Pengajaran dari kelima2 pesanan itu tadi ia-lah :

PERTAMA — Barang siapa yang berjaya meninggalkan larangan2 Allah neschaya makin terbuka-lah hati-nya untok membuat surohan Tuhan dengan berganda2 dan sempurna, kerana surohan itu tidak-lah bertujuan lain melainkan untok kebaikan manusia, tetapi sa-siapa yang melakukan larangan Allah neschaya sengsara-lah hidup-nya kerana larangan Allah jika di-lakukan tidak-lah lain ganjaran-nya melainkan kesengsaraan.

KEDUA — Sa-tiap orang mustahak-lah redza dan berpada dengan pemberian Tuhan, kerana sifat redza itu menambahkan kekuatan jiwa dan kekuatan jiwa ada-lah berpuncha kebahagiaan. Banyak orang yang kaya harta tetapi hidup-nya tidak tenteram dan banyak pula yang hidup-nya sama chukop sahaja tetapi ia bahagia dengan rezeki-nya itu. Benar-lah sa-bahagian Sabda Rasulullah yang bermaksud: "Bukan-lah kekayaan itu terletak pada harta yang banyak tetapi kekayaan ada-lah terletak pada kekayaan jiwa."

KETIGA — Berbuat baik kapada jiran ada-lah tanda orang yang sempurna iman-nya dan jalan yang paling senang untok berbuat kebajikan itu ia-lah dengan meninggalkan perkara2 yang boleh menyakiti jiran tetangga.

KE-EMPAT — Menyukai kebaikan untok orang lain ada-lah tanda sempurnanya Islam sa-seorang itu dan persaudaraan sa-demikian boleh-lah melahirkan masharakat yang bersatu padu yang tidak mementingkan diri sendiri atau hasad dengki yang merosakkan masharakat.

KELIMA — Ada pun ketawa yang berlebeh2an itu ada-lah tanda hati yang kosong daripada tanggong-jawab. Perkara ini tidak-lah menguntongkan bagi diri sendiri, keluarga dan masharakat, kerana siapa yang kosong hati-nya daripada sa-barang tanggong-jawab bermakna tidak-lah ia dapat menyumbangkan apa2 dalam hal ehwal kebajikan melainkan ia sentiasa berada dalam kedunguan.

# Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 4hb Februari, 1976 hingga ka-hari Selasa 10hb Februari, 1976 ada-lah saperti di-bawah ini : —**

| *Hari Bulan* | *Dzohor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 5hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 6hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 7hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 8hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 9hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |
| 10hb Feb | 12.40 | 4.00 | 6.37 | 7.48 | 5.07 | 5.21 | 6.36 |

**Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.**

# RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

## BAHAGIAN MELAYU

### RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Ranchangan; 6.05—Bachaan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10 — Hiboran Sambil Sarapan; 7.30 -- Bunga Rampai Rumahtangga 8.00 — Dendang Antarabangsa; 9.00 — Sains dan Industri (Perusahaan) (SU); 9.30 — Dendang Muda Mudi; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan Irama; 10.30 — Permintaan Hari Rabu; 11.00 — Penglipor Lara; 11.15 — Lagu Untok Mu (SU); 11.45 — Lima Belas Minit dengan Lagu Hindustan. TENGAH HARI: 12.00—Untok Kaum Tani (SU); 12.30 — Komintar Minggu Ini (SU); 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00 — Pelajar Di-Bumi Bertuah (SU); 1.30 — Hiboran Rampaian Tengah Hari; 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Tanda Siaran dan Susunan Ranchangan; 5.02 — Hiboran Petang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Quran; 6.15 — Irama Senja; 6.30 — Suara Azan untok Magrib/Quran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Permintaan Parajurit; 7.30 — Warkah dari Pendengar; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Berita2 dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia Zaman Ini; 9.00 — Asli-rama; 9.30— Senandong Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita — Sabda Junjongan; 10.10 — Tidor-lah Awda; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Selamat Berpisah.

### KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Ranchangan; 6.05—Bachaan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10 — Pilehan Sambil Sarapan; 7.30 — Penglipor Lara; 7.45 — Persembahan Anika Instrumental; 8.00 — Dendang Antarabangsa; 9.00 — Chitra-irama; 9.30 — Alunan Semudera; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.00 — Dendang Ria; 10.30—Rampaian London; 11.00 — Berdendang Dengan-Ku; 11.30 — Kisah dan Tauladan. TENGAH HARI: 12.30 — Rampaian Pop; 12.15 — Belia Zaman Ini (SU); 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00 — Kugemalanika (SU); 1.30 — Menjelang Rehat; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00 — Tanda Siaran dan Susunan Ranchangan; 5.02 — Irama Gambus (Hiboran); 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Rampaian Senja; 6.30 — Suara Azan untok Magrib/Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Taman Asohan Islam/Untok Kanak2; 7.30 — Kemuskilan Ugama/Dari Rakaman Kami; 8.00—Tanda Waktu dn Warta Berita — Berita dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Warkah dari Pendengar SU); 9.30 — Ku Sembahkan Lagu; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita Sabda Junjongan; 10.10 — Senandong Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Selamat Berpisah.

### JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Ranchangan; 6.05—Bachaan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30 7.10 — Senandong Pagi; 7.30 — Renchana Sa-pintas Lalu; 8.00 — Taman Asohan/Untok Kanak2; 8.30 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.00 — Permintaan dari Pancharagam; 9.30 — Tafsir Al-Quran; 1.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan Di-Udara/Apa Pendapat Awda; 10.30 — Kemuskilan Ugama/Dari Rakaman Kami; 11.00 — Kursus Al-Quran; 11.30 — Irama Gambus. TENGAH HARI: 12.00 — Tahu-kah Awda? 12.30—Menunaikan sembahyang Fardzu Jumaat siaran langsong dari Mesjid Omar Ali Saifuddin. PETANG: 1.15—Irama Padang Pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Irama Selingan; 2.00 — Susunan Ranchangan; 2.02 — Hutan Belantara (SU); 2.30 — Senandong Ria; 2.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Dalam Simpanan Kami (Purbawara); 3.45 — Lagu dan Senikata/Anika Instrumental; 4.25 — Kisah dan Tauladan (SU); 4.45—Senandong Irama; 5.00 — Susunan Ranchangan; 5.02—Permintaan Jiran Tetangga; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Senia; 6.15—Lagu2 Padang Pasir; 6.30 — Suara Azan untok Magrib/Quran; 6.30—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Persembahan Pancharagam (SU); 7.30 —Cherpen dan Salokan-nya; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Berita dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Keluarga-Java (SU); 9.00—Puspita (SU); 9.30 Irama Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita — Sabda Junjongan; 10.10 — Tidor-lah Intan; 12.30 — Selamat Berpisah.

### SABTU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara: 6.01—Susunan Ranchangan: 6.05—Bachaan Al-Quran dan Makna-nya: 6.30 — Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10 — Pilehan Sambil Sarapan; 7.30—Soalan Di-Udara/ Apa Pendapat Awda; 7.45 — Persembahan Instrumental; 8.00—Apa Pilehan Awda (SU); 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.00—Dendang Sa-irama; 9.30—Bunga Rampai Rumahtangga; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Irama Pilehan; 10.30 — Permintaan Pagi Sabtu; 11.00 — Pentas Radio (SU); 11.30 — Ragam Irama. TENGAH HARI: 12.00 — Peristiwa Dunia Minggu ini; 12.30—Suntingan Asli; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Tahu-kah Awda? 1.30—Menjelang Rehat; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Susunan Ranchangan; 5.02—Hiboran Pilehan; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.15—Irama Padang Pasir; 6.30—Suara Azan untok Magrib/Quran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00 — Gurindam Jiwa; 7.30 — Senandong Irama; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—Berita dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Renchana Sa-pintas Lalu (SU); 900—Muzika Tanah Ayer; 9.30—Rampaian Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita—Sabda Junjongan; 10.10—Irama Malam; 10.23 — Do'a Restu; 10.30 — Selamat Berpisah.



Dayang Norhayati bte Awang Besar, No. 23, Kampong Sultan Lama, Bandar Seri Begawan akan mendapat giliran untok memileh lagu2 kegemaran-nya dalam ranchangan 'Apa Pilehan Awda' minggu depan. Lagu2 pilehan Dayang Norhayati akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada hari Isnin 9hb Februari, 1976 jam 5.03 petang dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu 14hb Februari.

### AHAD

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Ranchangan; 6.05—Bachaan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Hiboran Sambil Sarapan; 7.30—Puspita; 8.00 — Majalah Radio; 8.30—Hiboran Pilehan; 9.00—Keluarga Si-Awang; 9.30—Hutan Belantara; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Surat dari London; 10.15 — Irama Selingan; 10.30—Arena Wanita; 11.00—Permintaan Antarabangsa. TENGAH HARI: 12.00 — Sandiwara Radio; 12.30 — Rampaian Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00 — Persembahan Pancharagam; 1.30 — Cheramah Minggu Ini; 2.00 — Pentas Radio; 2.30—Senandong Ria; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Dalam Simpanan Kami (Purbawara); 3.45 — Persembahan-ku; 4.00 — Cherpen dan Salokan-nya; 4.30—Lagu Untok Mu; 5.00 — Susunan Ranchangan; 5.03—Sharahan Ugama; 5.15— Anika Irama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama Di-Senja; 6.15—Persembahan Instrumental; 6.30 — Suara Azan untok Magrib—dan di-ikuti dengan Bachaan Al-Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Suara Perajurit; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Brunei Darussalam; 9.00—Persembahan Gambus; 9.30—Selingkar Madah; 9.45—Irama Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita — Sabda Junjongan; 10.10 — Tidor-lah Sayang; 10.23 — Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

### ISNIN

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Ranchangan; 6.05—Bachaan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan: 7.10—Hiboran Sambil Sarapan; 7.30—Peristiwa Dunia Minggu Ini (SU); 8.00—Dendang Antarabangsa; 9.00— Suara Perajurit (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran; 10.30 — Sains dan Industri: 11.00—Lagu dan Senikata (SU)/Anika Instrumental: 11.30—Gurindam Jiwa (SU). TENGAH HARI: 12.00 — Hiboran Untok Awda; 12.15 — Brunei Darussalam (SU); 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00 — Keluarga Jaya; 1.30 — Menjelang Rehat; 2.00 — Siaran berhenti rehat. 5.00 — Tanda Waktu dan Susunan Ranchangan; 5.02 — Apa Pilehan Awda; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu Lama; 6.16—Hiboran Rampaian; 6.35 —Suara Azan untok Magrib dan Bachaan Al-Quran; 6.50 —Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Arena Sokan; 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita—Berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Komintar Minggu Ini; 8.45—Serbanika Persembahan; 9.15 — Meninjau Sambil Lalu; 9.45 — Hidangan Pop; 10.10 — Tanda Waktu dan Rengkasan Berita—Sabda Junjongan; 10.10—Senandong Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Brpisah.

### SELASA

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Ranchangan; 6.05—Bachaan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30 — Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Hiboran Sambil Sarapan; 7.30—Sharahan Ugama (SU); 7.45 — Persembahan Instrumental; 8.00—Arena Wanita (SU); 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.00 — Rampaian London; 9.30—Hiboran Kita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Irama Pilehan; 10.30— Serbanika Persembahan (SU); 11.00—Puspa Ragam; 11.30—Majalah Radio (SU). TENGAH HARI: 12.00 — Rampaian Tengah Hari; 12.15 — Cheramah Minggu Ini (SU); 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 1.30— Hiboran Menjelang Rehat; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Tanda Waktu dan Susunan Ranchangan; 5.02— Arena Sokan (SU); 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 4.45—Hiboran Rampaian; 6.15—Lagu2 Instrumental; 6.35—Suara Azan untok Magrib/Quran; 6.50 —Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Hiboran Album Lama; 7.30 — Untok Kaum Tani; 8.00 — Tanda Wakta dan Warta Berita—Berita2 dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Pelajar Di-Bumi Bertuah; 9.00—Untok Pulis Diraja; 9.30—Kugemalanika; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasan Berita—Sabda Junjongan; 10.10—Irama Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

## BAHAGIAN INGGERIS

### WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00—Opening Announcement — Lunch Music. NOON: 12.00 — Melody Time (Repeat); PM: 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — 8 O'clock Special from Nafisah Haji Ali; 8.30 — Dateline London; 9.00—Interlude; 9.15 — News; 9.30 — The Navy Lark; 10.00 — Oldtime Melodies presented by Charan Chand; 10.30— Close Down.

### THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00—Opening Announcement — Thursday Banwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00—Stereo Pop Special "Country Joe McDonald and Barry Melton" Side 1 (Repeat). PM: 12.30 — News; 12.45 — Interlude; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound with Tajul Ahmad; 8.30 — Dad's Army; 9.00 — Interlude; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music For Easy Listening from Nafisah Haji Ali; 10.30 — Close Down.

### FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relav); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opning Announcement — Sports Magazine; 11.25—Tajul Ahmad Calling On You. PM: 12.15—International Money Programme; 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Thirty-Minute Theatre; 8.30—Break For Music; 8.45—Just A Minute; 9.15—News; 9.30 — BBC World Renort; 9.45—Frank Chaksfield In Limelight; 10.15—A Date with......... ; 10.30 —Close Down.

### SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 1100—Opening Announcement — Sing It Again (Repeat); 11.30—Children's Half Hour with Veronica Shim. NOON: 12.00—The Navy Lark (Repeat). 8.00 — Opening Announcement — Top of The Pops; 8.30 — Does The Team Think; 9.00 — Week At The U.N.; 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.15 — Music At The Close of Day; 10.30 — Close Down.

### SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Sunday Musical Potpouuri; 7.45—UNESCO Titbits followed by Musical Potpourri; 8.10—Radio Newsreel (BBCWS Repeat); 8.30—Close Down. 11.00—Opning Announcement — Women's World by Nafisah Haji Ali; 11.30 — Top of The Pops (Repeat). PM: 12.30 — Just A Minute (Repeat); 12.30 — News; 12.45 — Light Music from The Netherlands; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Just For Variety presented by Vivien Cheong; 8.30 — Showtime; 9.00 — Perspective; 9.15 — News; 9.30 — Concert Hour; 10.30 — Close Down.

### MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00—Opening Announcement — Music played for your listening pleasure. NOON: 12.00 — Dad's Army (Repeat); 12.30 — News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Veronica Shim; 8.45—One World For All; 9.15—News; 9.30—Down Under; 9.45—Interlude; 10.00—Country Meets Folk; 10.30—Close Down.

### TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00—Opening Announcement — Housewives Special. NOON: 12.00 — Science Journal. PM: 12.15—Interlude; 12.30—News; 12.45—Take It Easy; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcemnt — Jazz Club; 8.30 — Stereo Pop Special: "Country Joe MacDonald" and Barry Melton Side 2; 9.00 — Interlude; 9.15 — News; 9.30 — Checkpoint; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.

# Kenaikkan pangkat dua orang pegawai AMDB

**Dari muka 1**

Johore.

Beliau telah di-hantar ka-United Kingdom dalam tahun 1965 untok menghadhiri kursus payong terjun dan kursus Pegawai Perisek. Dalam tahun 1968 beliau di-hantar sekali lagi ka-United Kingdom untok menghadhiri kursus taktik senjata dan dalam tahun 1971 kursus perang hutan bersama dan akhir sekali beliau menghadhiri Pay Course di-United Kingdom dalam tahun 1974.

Lt. Col. Pehin Datu Indera Negara Mohd Ariffin mula berkhidmat dengan pa-



LT. ISBAH

sokan itu dalam tahun 1963. Sejak berkhidmat dengan pasokan itu beliau telah di-tempatkan di-beberapa chawangan pasokan itu antaranya sa-bagai Platoon Commander, Pegawai Pemerentah Chawangan Latehan, Pegawai Perisek, Motar Platoon Commander dan Pegawai Pemerentah A Kompeni.

Beliau telah di-naikkan pangkat Major dalam tahun 1970. Sa-belum beliau menyandang jawatan-nya sekarang sa-bagai Pegawai Pemerentah Pusat Latehan beliau juga pernah menjadi Pegawai Pemerentah D Kompeni dan Pegawai Latehan di-Battalion Pertama AMDB.

Kenaikkan pangkat itu ada-lah kali kedua di-berikan kapada pegawai2 tempatan. Dalam tahun 1974 dua orang pegawai juga telah di-naikkan pangkat Lt. Col.

Sementara itu, pada minggu lalu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mengorniakan Lenchana Penerbangan kapada Lt. Isbah bin Dato Paduka Haji Hamidon dalam satu Istiadat yang berlangsong di-Istana Darul Hana.

Lt. Isbah yang berkhidmat dengan pasokan Askar Melayu Diraja sa-bagai rekrut dalam tahun 1972. Dalam tahun 1974 beliau telah di-hantar ka-United Kingdom untok menjalani latehan sa-bagai pemandu pesawat helikopter. Terdahulu sabelum itu beliau telah di-hantar ka-Malaysia untok mengikuti kursus juruterbang. Beliau layak menjadi pemandu helikopter dalam bulan Februari tahun lalu.



**KERANA pertolongan-nya menangkap sa-orang penchuri yang merampas sa-buah beg tangan sa-orang perempuan, pegawai dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menerima sijil penghargaan sa-bagai hadiah-nya.**

**Awang Rolf Karrer (kanan) kelihatan sedang menerima sijil penghargaan dari pehak pulis yang di-sampaikan oleh OCPD Awang Mustapha bin Ahmad di-Balai Pulis Panaga pada minggu lalu.**

**Awang Rolf dengan di-bantu oleh dua orang pulis yang berpakaian awam telah berjaya menangkap sa-orang pemuda yang merampas beg tangan perempuan Belanda dalam satu kejadian di-Jalan Pretty, Kuala Belait dalam bulan Disember tahun lalu.**

# Lagi derma untok stadium di-terima

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bank2 Negeri Brunei telah menderma lagi kapada Tabong Pembenaan Stadium.

Derma kali ke-enam sa-banyak $16,796.20 itu telah diterima oleh Setia Usaha Tertinggi Jawatankuasa Tabong Pembenaan Stadium, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar melalui sa-puchok surat dari Pengerusi Persatuan itu Awang J. F. G. Tait pada minggu lalu.

Dengan derma itu, Persatuan Bank2 Negeri Brunei telah menyumbangkan sa-banyak $100,561.94 sejak dari bulan Jun 1973.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh dan memberikan penghargaan yang setinggi2-nya di-atas usaha yang telah di-jalankan oleh pehak Bank di-negeri ini sa-bagai menjunjong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei mengenai Tabong Pembenaan Stadium itu.

Beliau seterus-nya berharap agar usaha yang saperti ini akan dapat di-ikuti oleh pehak peniaga2 yang lain di-negeri ini.



**EMPAT orang telah menerima derma wang tunai dari Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei pada minggu lalu. Derma tersebut telah di-sampaikan oleh Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Y. B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Awang Haji Hussain.**

**Dua orang penerima itu ia-lah anak yatim adek beradek, Dayang Fatimah dan Nohaiti binte Mohd Noor yang menerima $182.00.**

**Awang Rashid bin Karim, sa-orang buta, menerima $150.00.**

**Pg Azizah binte Pg Ahmad (gambar atas) telah menerima sa-banyak $400.00.**

## Pertandingan Dugaan Akal sekolah2

BANDAR SERI BEGAWAN. Pertandingan Dugaan Akal Sekolah2 Rendah dan Menengah Negeri Brunei kali yang ke-empat akan di-bulakan dalam bulan ini.

Pertandingan yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran itu ada-lah terbuka kapada penuntut2 sekolah2 rendah dan menengah Kerajaan di-seluroh negeri. Thema pertandingan tahun ini ia-lah "Kuiz Mengenal Brunei."

Pertandingan itu akan di-bahagikan kapada tiga bahagian ia-itu Bahagian Sekolah2 Rendah Melayu; Bahagian Sekolah2 Menengah Bawah dan Sekolah Persediaan Inggeris.

Pertandingan yang akan bermula pada 21hb Februari ini di-jangka akan berakhir pada 6hb Mach depan.

## Membaharui Kad Pengenalan

BANDAR SERI BEGAWAN. —Pemegang2 Kad Pengenalan Biru yang bernumbor dari 050001 hingga 052400 dan Kad Pengenalan Merah yang bernumbor dari 097501 hingga 099100 ada-lah di-kehendaki menggantikan Kad Pengenalan mereka mulai awal bulan ini hingga 28hb Februari ini.

Pendaftaran boleh di-buat di-Pusat Pendaftaran yang berhampiran dengan tempat tinggal masing2.

Bagi pemegang2 Kad Pengenalan Hijau yang berkhidmat dengan Kerajaan dan yang sudah berakhir kebenaran tinggal mereka serta bagi kanak2 yang berumor 12 tahun ka-atas juga di-kehendaki memohon saperti biasa.

Dua keping gambar untok Kad Pengenalan dan surat2 keterangan yang perlu hendak-lah di-bawa sa-masa mendaftar.

Sementara itu, Pemangku Pesurohjaya Pendaftaran Kebangsaan, Awang Julaihi bin Abd Kadir menyeru mereka yang belum lagi membaharui Kad Pengenalan mereka yang giliran-nya sudah berlalu supaya mendaftarkan-nya dengan sa-beberapa segera.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, PEJABAT SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.